

MAHATHIR-CUKAI

1977

57

LABUAN, 14 MEI (BERNAMA) -- KERAJAAN MENGENAKAN CUKAI YANG BERAT KE ATAS HASIL-HASIL UTAMA SEPERTI MINYAK DAN KAYUKAYAN BAGI MENCAPAI PEMBAHAGIAN PENDAPATAN YANG SAKSAMA DAN MEWUJUDKAN SEBUAH MASYARAKAT YANG ADIL, KATA TIMBALAN PERDANA MENTERI, DR.MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

BERUCAP KEPADA PENDUDUK-PENDUDUK KAMPUNG POHON BATU, KIRA-KIRA TUJUH BATU DARI PUSAT BANDAR, BELIAU BERKATA DENGAN PENDAPATAN BERTAMBAH DARI CUKAI-CUKAI TERSEBUT, YANG MANA SETENGAHNYA BERJUMLAH HINGGA 50 PERATUS, KERAJAAN TELAH DAPAT MELAKSANAKAN PROJEK PEMBANGUNAN BAGI FAEDAH GOLONGAN RAKYAT YANG KURANG BERNASIB BAIK.

BELIAU BERHARAP MEREKA YANG MEMBAYAR CUKAI YANG TINGGI MENYEDARI MATLAMAT KERAJAAN ITU.

DR.MAHATHIR GEMBIRA MENDAPATI TIDAK WUJUD RASA PERPISAHAN ANTARA RAKYAT DI SABAH DAN MEREKA DI SEMENANJUNG MALAYSIA.

BELIAU MENEKANKAN BAHAWA KERAJAAN MERANGKA SATU RANCANGAN YANG SISTEMATIK PUKAN SAJA UNTUK PEMBANGUNAN TETAPI JUGA BAGI MENERGATKAN PERPADUAN DI KALANGAN BERBAGAI KAUM. -- BERSAMBUNG 1720/YF

MAHATHIR-CUKAI 2 LABUAN

INI, KATANYA, TELAH DAPAT MEWUJUDKAN SATU RASA KEBANGSAAN DI KALANGAN SELURUH RAKYAT MALAYSIA HANYA DALAM TEMPOH 13 TAHUN.

DR.MAHATHIR MENGGESA RAKYAT DI SABAH MEMBANTU KERAJAAN NEGERI DALAM USAHA MENDATANGKAN KEMAJUAN YANG LEBIH BESAR.

ADALAH MENJADI MATLAMAT KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN NEGERI MELAKSANAKAN PROJEK YANG BERTUJUAN MENGADAKAN KEHIDUPAN YANG LEBIH BAIK UNTUK RAKYAT.

DR.MAHATHIR DAN ROMBONGAN TELAH DIBERI SAMBUTAN MERIAH BILA TIBA DI KAMPUNG TERSEBUT.

PENGERUSI LEMBAGA BANDARAN LABUAN, HAJI MOHD DIN JAAFAR TELAH MENYAMPAIKAN CENDERAMATA KEPADA DR.MAHATHIR DAN ISTERINYA DR.SITI HASMAH BAGI PIHAK MASYARAKAT LABUAN.

ANTARA PROJEK YANG DILAWATI OLEH DR.MAHATHIR HARI INI ADALAH SEBUAH KEBUN ORKID, LIMBONGAN KAPAL SABAH, SYARIKAT JAYADIRI DAN PANGKALAN SYARIKAT SABAH SHELL. -- BERNAMA 1725/YF